

09/03/2002

Amerika sesekali perlu diajar

AMERIKA Syarikat mendakwa sebagai juara dan pembela dalam pelbagai perkara. Daripada menjuarai demokrasi, kebebasan bersuara, hak asasi manusia, globalisasi hinggalah kepada perdagangan bebas, kononnya Amerikalah yang harus diteladani dunia. Namun, dalam banyak keadaan, ia hanya dilaksanakan untuk memelihara kepentingannya sendiri. Ringkasnya, bebas dalam serba-serbi hanya bermaksud kepada negara itu semata-mata atau sesiapa saja yang direstainya manakala sebarang tindakan serupa oleh negara lain akan dicela Amerika sebagai kesalahan besar.

Tindakan terbaru Amerika mengenakan tarif import sehingga 30 peratus bagi tempoh tiga tahun terhadap pelbagai produk keluli jelas berkepentingan. Sejak awal 1998, 31 kilang keluli Amerika yang mewakili kira-kira separuh daripada industri, sudah jatuh muflis atau memohon perlindungan muflis. Lantas, tarif import tinggi itu diperkenalkan bagi melindungi industri keluli tempatan tanpa langsung mengambil kira ia menjejaskan teruk negara lain. Hakikat bahawa Amerika sendiri tidak mengamalkan konsep pasaran bebas yang sering dilaungkannya - sama seperti pelbagai slogan kebebasan lain - bukan lagi menghairankan.

Sebagaimana disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, negara lain tidak harus berdiam diri. Dengan pengaruh besar Amerika ke atas Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), ia menuntut negara pengeluar keluli selebihnya, termasuk Kesatuan Eropah, Jepun, China dan Malaysia bersatu dengan pelan tindakan bersama agar suara mereka lebih lantang kedengaran. Sesekali Amerika juga wajar diberi ubat pahit ciptaannya sendiri.

(END)